



**KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, CHIKUNGUNYA DAN ZIKA DI
MALAYSIA UNTUK TAHUN 2017**

Tahun 2017 merupakan tahun kedua berturut-turut kes Demam Denggi berjaya dikurangkan sejak tahun 2015 di mana kes Demam Denggi tertinggi telah dicatatkan pada tahun tersebut iaitu sebanyak 120,836 kes. Pada tahun 2016, penurunan kes adalah sebanyak 16.1% berbanding tahun sebelumnya. Sepanjang tahun 2017, sebanyak 83,849 kes Demam Denggi telah dilaporkan berbanding 101,357 kes bagi tempoh yang sama tahun 2016, iaitu pengurangan sebanyak 17,508 kes (17.3%). Untuk tempoh yang sama, sebanyak 177 kes kematian akibat Demam Denggi direkodkan di seluruh negara, penurunan sebanyak 60 kematian (25.3%) berbanding tahun 2016 iaitu 237 kes kematian.

Daripada hasil pemantauan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk tahun 2017, bilangan kes Denggi mingguan yang dicatatkan adalah di bawah angka 1,500 seminggu sejak awal bulan Ogos 2017 sehingga ke penghujung tahun. Untuk makluman semua, purata kes mingguan yang dilaporkan sebelum itu adalah sekitar 2,000 hingga 3,000 kes seminggu. Bermula pada awal Ogos 2017 juga, terdapat tren penurunan bagi bilangan lokaliti wabak iaitu dari 698 lokaliti wabak kepada 314 lokaliti pada 30 Disember 2017, iaitu pengurangan sebanyak 384 lokaliti (55%). Manakala lokaliti hotspot juga berkurangan dari 121 lokaliti hotspot kepada 26 lokaliti hotspot (78.5%).

Pencapaian positif ini adalah merupakan hasil daripada tindakan bersepada daripada pelbagai kementerian, agensi, masyarakat dan individu.

Pasukan Petugas Khas Denggi Peringkat Kebangsaan yang terdiri oleh tujuh (7) kementerian dan pelbagai agensi lain telah ditubuhkan sejak bulan Julai 2014 untuk menggerakkan agensi dan masyarakat dalam menjalankan aktiviti pencegahan dan kawalan denggi.


Antara aktiviti yang telah dijalankan pada tahun 2017 ialah Gotong-Royong Mega Bersepadu Perangi Aedes sebanyak 2 kali yang meliputi 241 lokasi di seluruh negara sebagai langkah proaktif untuk membendung peningkatan kes Demam Denggi. Untuk mempergiatkan lagi aktiviti kebersihan supaya tempat berpotensi pembiakan Aedes dapat dihapuskan, Gotong-Royong Merdeka 2017 dengan tema ‘Negaraku Sehati Sejiwa Sihat’ turut dianjurkan bersama oleh KKM, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) sepanjang bulan kemerdekaan.

Aktiviti operasi penguatkuasaan bersepadu turut dijalankan secara berkala dan berterusan sebagai salah satu langkah menyekat penularan kes Demam Denggi. Sebanyak 12 arahan ‘Operasi Gempur Aedes’ telah dikeluarkan oleh KKM dan dikelolakan oleh Jabatan Kesihatan Negeri dan Pejabat Kesihatan Daerah dengan kerjasama PBT, CIDB, DOSH serta PDRM. Sebanyak 2,458 tapak binaan, 13,408 tapak komersial, 639 tapak semaihan dan 1,698 premis barang lusuh telah diperiksa. Sejumlah 1,702 kompoun dengan nilai RM 534,000 telah dikeluarkan manakala 38 tapak binaan telah menerima arahan penutupan di bawah Seksyen 8(3)(aa).

Selain itu juga, Kementerian Komunikasi Multimedia Malaysia (KKMM) turut membantu dalam menyediakan slot di televisyen dan radio mengenai iklan pencegahan Demam Denggi sepanjang tahun secara percuma. Secara keseluruhannya, siaran promosi pencegahan Demam Denggi adalah sebanyak 8,325 siaran di televisyen dan 8,324 siaran di radio sepanjang tahun 2017. Kementerian Pendidikan Malaysia juga komited dengan memasukkan aktiviti pencegahan Denggi di dalam ko-kurikulum sekolah di

seluruh Malaysia. Program Denggi Petrol 2017 telah disertai oleh 187 buah sekolah dalam pelaksanaan kempen pencegahan Denggi sama ada terlibat secara turun padang atau pun secara atas talian di media sosial di mana 10,513 inisiatif komuniti telah dijalankan. Penglibatan masyarakat dalam aktiviti pencegahan dan kawalan denggi terutamanya di kawasan hotspot denggi melalui penubuhan projek *Communication for Behavioral Impact* (COMBI) turut menyumbang kepada penurunan kes Denggi. Sehingga Disember 2017, terdapat 3,082 projek COMBI dilaksanakan dalam masyarakat yang melibatkan sekitar 63,000 anggota sukarelawan.

Jumlah kumulatif kes Chikungunya yang direkodkan pada tahun 2017 adalah sebanyak 270 kes iaitu 190 kes dari Kedah, 33 kes dari Selangor, 24 kes dari Johor, 19 kes dari Kelantan, dan masing-masing dua (2) kes dari Perak dan Sarawak. Bagi tahun 2017, pemantauan sistem surveyan virus Zika terus digiatkan dan sehingga 30 Disember 2017, keputusan ujian bagi 2,304 sampel darah dan 33 sampel air kencing di kalangan pesakit yang menunjukkan gejala jangkitan virus Zika didapati adalah negatif. **Tiada Aedes, Tiada Denggi, Chikungunya dan Zika.**


DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH

Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

9 Januari 2018

Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 52/2017
(24 hingga 30 Disember 2017)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian dilaporkan				Jumlah Terkumpul Kes Denggi Sehingga Minggu 52/2017		Jumlah Terkumpul Kes Denggi Sehingga Minggu 52/2016	
		Minggu 52 (24 – 30 Dis 2017)		Minggu 51 (17 – 23 Dis 2017)					
		Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati
1	Perlis	0	0	0	0	175	0	183	3
2	Kedah	14	0	21	0	1,440	5	994	5
3	P. Pinang	66	0	47	0	2,681	13	2,576	12
4	Perak	57	0	33	0	5,411	12	3,777	10
5	Selangor	553	3	541	0	45,290	67	51,652	78
6	WP KL & Putrajaya	82	0	88	0	8,350	19	8,663	22
7	N. Sembilan	15	0	24	0	3,055	11	2,879	26
8	Melaka	7	0	14	0	1,425	1	2,299	7
9	Johor	103	2	149	1	7,932	27	10,641	23
10	Pahang	13	0	23	0	1,690	6	3,050	11
11	Terengganu	5	0	3	0	292	1	2,009	20
12	Kelantan	10	0	17	0	2,515	2	6,180	11
13	Sarawak	12	0	10	0	952	4	2,773	7
14	Sabah	70	1	80	0	2,560	9	3,668	2
15	WP Labuan	1	0	0	0	91	0	13	0
	MALAYSIA	1,008	6	1,050	1	83,849	177	101,357	237

* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

Lampiran B**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 52/2017
(24 hingga 30 Disember 2017)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Perdana (South City Condo)	13	67
2	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 5 Seksyen 7 : Teres	20	59
3	SELANGOR	Hulu Langat	De Casa Condo Bandar Baru Ampang	12	54
4	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Perdana 6/2,6/4,6/6,6/8&6/10 Pandan Perdana	11	48
5	P PINANG	Timur Laut	Taman Terubong Indah	13	46
6	PERAK	Kinta	Kg Das Tambahan 2	7	45
7	JOHOR	Johor Bharu	Bdr Sri Alam_Jln Tasek 13-45	15	44
8	SELANGOR	Petaling	Seksyen 8 (Teres A : Jln 8/1 - 8/13)	7	42
9	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Nusa Perintis 2	9	40
10	JOHOR	Johor Bharu	Bbu Padi Huma	10	40
11	SELANGOR	Klang	Off Jln Meru (Jln Hj Abdul Manan Lot 6065)	24	39
12	SELANGOR	Petaling	Tmn Equine (Flat Putra Permai & Rumah Kedai)	4	39
13	PERAK	Kampar	K/B Mbg Diawan	15	38

14	SELANGOR	Sepang	Apt Ruvena Villa Putra Perdana	13	37
15	WPKL	Lembah Pantai	Abadi Indah Apartment Fasa 1(7&9)	17	37
16	JOHOR	Johor Bharu	Forest City_Lead Home Plot 26-4	17	37
17	JOHOR	Johor Bharu	Flat Kangkar Pulai_Jentayu	5	36
18	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Perdana Psrn Perdana (One South)	6	35
19	SELANGOR	Petaling	Bg Seksyen 51a Flat Impian Baiduri	7	35
20	SELANGOR	Petaling	Du Ss 4c	13	34
21	SELANGOR	Klang	Tmn Meru Indah (Solok Meru Indah 2)	16	33
22	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Cendana_Zon 1	7	33
23	SABAH	Kota Kinabalu	Quarters Ipk Kepayan	31	32
24	SELANGOR	Petaling	Bt 13 Kg Sri Aman (Lrg Bestari)	4	32
25	JOHOR	Johor Bharu	Bdr Sri Alam_Appartment Sri Mutiara	7	32
26	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Kenari Taman Impian Ehsan	13	32

* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan